

Kata Kerja Dalam Dialek Perlis: Analisis Program Minimalis

Verbs In Perlis Dialect: Minimalist Program Analysis

Nurul Aini Binti Abd Rahman
Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

nurulaini.ainie@yahoo.com
fazal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dialek Perlis merupakan dialek yang berasal daripada bahasa Melayu yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Dalam kajian ini, pengkaji hanya akan mengkaji penutur natif dialek Perlis di Kampung Banat, Arau, Perlis. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti struktur kata kerja, mengkategorikan kata kerja kepada kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif, dan menganalisis struktur kata kerja dalam dialek Perlis menggunakan Program Minimalis. Aspek yang ditekankan dalam kajian ini ialah aspek sintaksis yang membuat penelitian terhadap struktur binaan kata kerja. Kaedah kajian yang digunakan merangkumi kajian lapangan iaitu temu bual dan kaedah analisis data menggunakan Program Minimalis. Kajian ini telah memilih 5 orang responden yang merupakan penutur natif dialek Perlis yang telah lama menetap di kampung tersebut bagi memperoleh data yang asli. Kajian ini mendapati bahawa kata kerja yang wujud dalam dialek Perlis terbahagi kepada dua iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Struktur binaan ayat dalam dialek Perlis juga mempunyai persamaan dengan binaan ayat dalam bahasa Melayu iaitu SKO. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan teori baharu iaitu Kerangka Minimalis ini mampu untuk menganalisis kata kerja yang wujud dalam dialek Perlis dengan jayanya. Hal ini membuktikan bahawa Program Minimalis adalah satu pendekatan yang berkesan dalam menghuraikan fenomena bagi sesuatu bahasa.

Kata kunci: *Kata Kerja Transitif, Kata Kerja Tak Transitif, Dialek, Perlis, Program Minimalis*

ABSTRACT

Perlis dialect is a dialect that comes from the Malay language which has its own distinctive features. In this study, the researcher will only choose the native speaker of the Perlis dialect in Kampung Banat, Arau, Perlis. The objective of this study is to identify the verbs structures, categorize the verbs into transitive verbs and intransitive verbs, and to analyze the structure of the verbs in Perlis dialect using the minimalist program. This study emphasizes the syntactic aspect which focuses on the structure of the verbs construction. The methodology that was used in this study included field study and interviews. The data were analysed using the Minimalist Program. In order to obtain genuine data, this study has selected 5 respondents who are the native speakers of the Perlis dialect and have lived in the village since they were born. The study found that the verbs in Perlis dialect are divided into two: transitive verbs and intransitive verbs. The syntactic structure of the Perlis dialect is the same as standard Malay which is SVO (subject, verb, Object). The results from this study

proved that the new theory of the Minimalist Program was able to analyze the verbs that exist in the Perlis dialect successfully. This proves that the Minimalist Program is an effective approach in describing the phenomenon of a language.

Keywords: *transitive verbs, intransitive verbs, Dialect, Perlis, Minimalist Program*

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat yang paling penting dan kerap digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Bahasa terdiri daripada dialek-dialek tertentu. Penutur dialek pula saling memahami antara satu sama lain. Berdasarkan ciri-ciri linguistik sama ada dari segi fonologi, morfologi, dan sintaksis, ternyata dialek-dialek dalam sesuatu bahasa itu mempunyai banyak persamaan dan perbezaannya. Persamaan yang wujud itu menggambarkan dialek-dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri warisan yang diwarisi bersama manakala perbezaan pula menunjukkan dialek-dialek itu telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain. (Asmah Haji Omar, 2008). Dialek negeri Perlis berasal daripada dialek Kedah. Menurut Asmah Haji Omar (1993), dialek Kedah ialah bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis hinggalah ke Perak Utara. Dialek Kedah juga dituturkan di Pulau Pinang. Menurut Kamus Dialek Perlis (1992), bagi rakyat Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara pada umumnya bahasa pertuturan harian adalah hampir sama dan boleh difahami antara satu dengan yang lain. Jika terdapat perbezaan, mungkin pada perkataan-perkataan tertentu sahaja. Dalam makalah ini, perbincangan tentang dialek Perlis yang memfokuskan kepada analisis sintaksis iaitu kata kerja telah dijalankan di Kampung Banat, Arau, Perlis. Kata kerja dalam dialek ini akan dikenal pasti, dibahasakan dan dianalisis menggunakan Program Minimalis.

2. Sorotan Karya

Kata Kerja

Kata kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan wajib dihadiri oleh kata kerja. Kata kerja dapat dibahagikan kepada kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif. Perbezaan jenis kata kerja itu bergantung kepada keperluan perkataan yang mengikutinya atau mendahului mengikut sesuatu bahasa. Kata kerja transitif ialah kata kerja yang memerlukan objek untuk melengkapkan maksudnya, manakala kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan objek bagi mengikutinya. Pada umumnya, objek yang melengkapkan maksud dalam kata kerja transitif terdiri daripada kata nama. Sifat ini wujud dalam kata kerja transitif bahasa Melayu (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2005).

Kata kerja pula boleh bergabung dengan perkataan yang lain untuk membentuk frasa. Frasa tersebut dikenali sebagai frasa kerja. Mengikut Program Minimalis, kata kerja ialah perkataan yang menjadi kepala dalam frasa kerja. Kepala di sini dimaksudkan sebagai perkataan yang wajib ada dalam frasa kerja sedangkan perkataan lain hanyalah bertugas sebagai keterangan. Secara umumnya, kata kerja berfungsi sebagai predikat dalam ayat yang berpola subjek dan predikat.

Kata Kerja Transitif dan Tak Transitif dalam dialek Perlis

Kata kerja dalam dialek Perlis terdiri daripada dua jenis iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Dalam makalah ini, perbincangan tentang kedua-dua kata kerja ini akan dianalisis secara terperinci. Bagi kata kerja transitif, kata kerja ini memerlukan objek atau penyambut manakala kata kerja yang tidak memerlukan objek dikenali sebagai kata kerja tak transitif. Dalam kajian yang telah dibuat, kata kerja tak transitif dapat dibahagikan kepada dua iaitu tak ergatif dan tak akusatif. Kata kerja tak ergatif merupakan kata kerja yang mempunyai subjek ayat yang terdiri daripada kata nama (KN) yang berperanan sebagai agen atau pelaku manakala kata kerja tak akusatif pula memberikan peranan teta kepada argumennya selain daripada agen seperti penderita, tema, dan sebagainya.

Kata Kerja Transitif dalam Dialek Perlis

Kata kerja transitif merupakan kata kerja yang memerlukan objek yang terdiri daripada KN untuk melengkapkan sesuatu ayat. Kata kerja transitif tidak dapat menjadi kepala kepada kata kerja kerana ia memerlukan objek bagi membentuk binaan kata kerja tersebut. Hal ini demikian kerana tanpa kehadiran objek atau penyambut selepas kata kerja tersebut, binaan kata kerja tersebut menjadi tidak gramatis. Oleh hal yang demikian, fungsi objek adalah bertujuan untuk melengkapkan makna sesuatu kata kerja tersebut. Contoh di bawah merupakan data yang mengandungi kata kerja dalam dialek Perlis.

1. Dialek Perlis : Dia ada master
Glos : Dia mempunyai master
Terjemahan : Dia memiliki Master
2. Dialek Perlis : Dia kena tukaq darah
Glos : Dia kena tukar darah
Terjemahan : Dia perlu tukar darah
3. Dialek Perlis : Dia boleh sambung belajaq
Glos : Dia boleh menyambung pelajaran
Terjemahan : Dia boleh menyambung pelajaran

Berdasarkan contoh dalam ayat 4 hingga 6, terdapat beberapa contoh kata kerja yang memerlukan objek sebagai pelengkap. Hal ini demikian kerana, kata kerja *ada*, *tukaq*, dan *sambung* dalam data di atas merupakan kata kerja transitif yang memerlukan kehadiran objek di belakangnya yang terdiri daripada KN bagi melengkapi makna ayat tersebut. Sekiranya kata kerja tersebut tidak diikuti dengan objek, binaan ayat tersebut menjadi tidak gramatis. Selain itu, kata bantu juga dapat hadir dalam binaan ayat dalam dialek Perlis. Kata bantu terdiri daripada kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Dalam binaan ayat kata kerja dialek Perlis, kata bantu ragam seperti *kena* dalam ayat (5) dan *boleh* dalam ayat (6) hadir sebelum kata kerja. Kata bantu ragam *kena* dalam ayat (5) merupakan sebutan dalam dialek Perlis. Walau bagaimanapun, apabila diterjemahkan dalam Bahasa Melayu Standard, disebut sebagai *perlu* yang sesuai dengan ayat BMS. Kehadiran adjung juga boleh berlaku dalam sesebuah binaan ayat kata kerja dalam dialek Perlis.

Kata Kerja Tak Transitif dalam dialek Perlis

Kata kerja tak transitif merupakan kata kerja yang tidak memerlukan objek. Kata kerja ini dapat dibahagikan kepada dua bergantung kepada jenis kata kerja yang menjadi dasar kepada pembentukan frasa jenis ini. Di samping itu, kata kerja tak transitif terbahagi kepada dua bahagian iaitu kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif yang mempunyai perbezaan dari aspek peranan teta yang diisi oleh subjek. Kata kerja tak transitif menandakan dua argumen yang terdiri daripada argumen luaran dan argumen dalaman. Argumen luaran merujuk kepada subjek manakala argumen dalaman merujuk kepada objek. Oleh hal yang demikian, kata kerja tak transitif hanya akan menandakan sama ada argumen dalaman ataupun argumen luaran yang dapat dikenal pasti melalui subjek yang hadir dalam frasa.

Kata kerja Tak Transitif Tak Ergatif

Kata kerja tak transitif tak ergatif ialah kata kerja yang hanya menandakan argumen luaran dengan memberikan peranan sebagai agen. Kata kerja jenis ini menandakan agen hanya pada permukaan subjek. Hal ini membawa maksud bahawa kata kerja jenis ini tidak memerlukan objek sebagai pelengkap, tetapi memerlukan penerang untuk memberikan makna yang jelas terhadap kata tersebut. Antara data yang diperoleh bagi kata kerja tak ergatif dalam dialek Perlis adalah seperti berikut:

4. Dialek Perlis : Dia keluaq universiti jugak
Glos : Dia keluar universiti juga
Terjemahan : Dia keluar dari universiti juga

Berdasarkan contoh di atas, menunjukkan bahawa kata kerja tak transitif tak ergatif dalam dialek Perlis mempunyai perbezaan dengan kata kerja transitif. Contoh daripada data di atas memperlihatkan bahawa kata kerja hadir selepas subjek dan merupakan binaan yang gramatis sebagai ayat aktif. Kata kerja tak ergatif ini mempunyai persamaan dengan ayat dalam bahasa Melayu Standard. Hal ini kerana kata kerja hadir selepas subjek dalam sesuatu ayat dan tidak mempunyai perkataan yang sukar difahami dalam ayat tersebut.

Kata Kerja Tak Transitif Tak Akusatif

Kata kerja tak transitif tak akusatif menandakan peranan tema sebagai penderita, alatan, dan sebagainya pada kedudukan subjek. Kata kerja jenis ini hanya menandakan argumennya selain daripada agen dan ditandai sebagai argumen dalaman yang akan digerakkan dari posisi komplemen ke posisi permukaan subjek. Pergerakan posisi tersebut diterima dalam bahasa Melayu. Ayat di bawah merupakan contoh kata kerja tak akusatif dalam dialek Perlis:


5. Dialek Perlis : Oghang tua tak ada
Glos : Orang tua tiada
Terjemahan : Orang tua meninggal
6. Dialek Perlis : Kita tak kisah
Glos : Kita tidak kisah
Terjemahan : Kita tidak peduli
7. Dialek Perlis : Depa balik dah
Glos : Mereka balik dah
Terjemahan : Mereka sudah pulang
8. Dialek Perlis : Kita nak latih balik
Glos : Kita hendak latih balik
Terjemahan : Kita hendak latih semula
9. Dialek Perlis : Dia takut
Glos : Dia takut
Terjemahan : Dia takut

Berdasarkan ayat (5) hingga (9) menunjukkan bahawa setiap ayat tersebut dimulai dengan subjek dan diikuti dengan kata kerja tak akusatif. Subjek yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut terdiri daripada kata ganti nama diri (KGND) pertama iaitu *Kita*, KGND kedua *Dia*, dan KGND Ketiga *Mereka*. Bagi subjek yang mengandungi kata nama seperti *Oghang tua*, *Dia*, *Kita*, dan *Depa* memegang peranan sebagai penderita yang disediakan oleh kata kerja tak akusatif *tak ada*, *tak kisah*, *balik*, *latih* dan *takut*. Daripada contoh-contoh ayat tersebut, dapat diteliti bahawa kata kerja tak akusatif tidak memerlukan objek atau pelengkap untuk melengkapkan frasa kerja tersebut. Peranan tema yang telah diisi oleh KN sebagai subjek adalah selain agen iaitu penderita, tema, dan sebagainya. Selain itu, dalam dialek Perlis juga, perbezaan ayat adalah tidak banyak bezanya dengan bahasa Melayu Standard mengikut kawasan tertentu. Bagi penutur di kawasan kajian, mereka masih menuturkan perkataan yang

senang difahami oleh pendengar. Namun, kata ganti nama diri ketiga iaitu *Depa* dalam dialek Perlis merujuk kepada *Mereka* dalam bahasa Melayu Standard.

3. Program Minimalis

Program minimalis ini mengandaikan bahawa maklumat morfem sesuatu perkataan dicirikan dalam bentuk fitur nahu dan fitur ini perlu disemak dengan cara yang betul (Chomsky, 1995). Anggapan utama ialah struktur ayat terbentuk melalui operasi gabungan yang berterusan, dan akhirnya ditentukan melalui dua struktur representasi untuk suatu ayat, iaitu representasi yang menentukan bentuk fonetiknya dan representasi yang menentukan bentuk logiknya (aspek linguistik untuk makna sesuatu ayat) maka sesuatu ayat itu perlu mencapai representasi BF (Bentuk Fonologi) dan representasi BL (Bentuk Logik). Derivasi pembentukan sesuatu ayat, iaitu operasi yang melibatkan atur cara pembentukannya melibatkan satu set operasi linguistik 411 (komputasi) yang menghasilkan struktur sintaksis, bersama set operasi BF yang mengubah struktur sintaksis kepada representasi BF dan satu set operasi BL yang mengubah struktur sintaksis kepada representasi BL. Kesemua perbincangan di atas dapat disimpulkan dalam rajah 1.



RAJAH 1 Program Minimalis

Leksikon diandaikan terdiri daripada senarai semua perkataan dalam suatu bahasa seperti mana terkandung dalam kamus. Lazimnya senarai perkataan seperti ini disebut 'butir leksikal.' Butir leksikal ini pula diandaikan terdiri daripada senarai butir leksikal yang tidak tertib susunannya dalam leksikon penutur natifnya. Maklumat kategori bagi setiap butir leksikal pula akan diandaikan wujud dalam bentuk fitur dalam Program Minimalis. Begitu juga maklumat lain berkaitan dengan pembentukan ayat. Ayat terdiri daripada beberapa butir leksikal. Butir-butir leksikal ini akan disatukan dalam satu keadaan yang dikenali sebagai Numerasi. Pada aras numerasi ini setiap butir berkenaan akan digabungkan dengan butir yang lain mengikut kehendak fitur tertentu. Kata kerja sebagai elemen utama dalam ayat akan memiliki perkataan yang boleh bergabung dengannya secara pemilihan dan penyemakan fitur. Pemilihan butir leksikal ini juga penting untuk memenuhi peranan teta yang di bawah oleh kata kerja tersebut. Seterusnya, semua penggabungan amat mementingkan penyemakan fitur yang tak berinterpretasi. Semua fitur yang tak berinterpretasi wajib disemak sebelum Cetusan. Hanya fitur yang berinterpretasi layak wujud sehingga Bentuk Logik. Ini kerana Bentuk Logik hanya memahami fitur yang berinterpretasi. Sekiranya fitur tak berinterpretasi tidak disemak sebelum Cetusan maka ayat ini dikatakan telah Gagal pada aras Bentuk Logik dan ditandakan sebagai tidak gramatis.

4. **Dapatan Dan Perbincangan**

Struktur Kata Kerja Transitif Dalam Dialek Perlis


Bahagian analisis sintaksis menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai data yang diperoleh daripada analisis deskriptif. Penghuraian berkenaan data akan diperjelaskan dalam bentuk rajah pohon dengan menggunakan Program Minimalis. Oleh hal yang demikian, analisis ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif yang terdiri daripada kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif.

Sintaksis Kata Kerja Transitif

Bentuk kata kerja transitif dalam dialek Perlis telah dibincangkan dalam analisis deskriptif pada bahagian sebelum ini. Ayat tersebut menunjukkan bahawa kata kerja transitif memerlukan objek sebagai pelengkap ayat. Oleh itu, perbincangan mengenai struktur kata kerja ini akan menggunakan data yang dipaparkan dalam analisis deskriptif. Data tersebut akan dianalisis menggunakan Program Minimalis. Ayat (1) akan ditulis semula sebagai ayat (10) dan akan dianalisis secara sintaksis seperti di bawah:


- 10. Dialek Perlis : Dia ada master
- Glos : Dia mempunyai master
- Terjemahan : Dia memiliki Ijazah Sarjana

- a. Memilih bagi dan jadual lalu melakukan proses Gabung (merge) untuk memenuhi fitur tak berinterpretasi [uN] pada *ada* yang akhirnya akan membina satu frasa kerja (FK).




Derivasi di atas menunjukkan proses pembentukan frasa kerja (FK) bermula dengan operasi gabung (merge), iaitu menggabungkan dua leksikal yang terdiri daripada kata kerja (KK) dengan kata nama (N) *Master*. Kata kerja transitif bagi memerlukan dua argumen. Kata kerja ini juga perlu memastikan jenis argumen yang boleh hadir bersebelahan dengannya. Kedua-dua argumen ini direalisasikan oleh dua fitur tak berinterpretasi [uN]. Satu uN adalah untuk memenuhi Uniformity of Theta Assignment Hypothesis (UTAH), manakala satu lagi untuk memastikan ayat berkenaan mempunyai subjek. Oleh hal yang demikian, bagi memenuhi UTAH N, *Master* hadir bergabung dengan *ada* [K]. Apabila pemilihan dan penggabungan sudah dilakukan, maka proses penyemakan dapat dijalankan ke atas jadual [N]. Fitur uN itu dapat disemak.

- b. Memilih k (kecil) dan bergabung dengan output (a) bagi memenuhi Prinsip Hierarki Projeksi untuk menghasilkan (k').




Setelah selesai proses gabung, proses seterusnya ialah proses semakan bagi memberikan nilai kepada fitur pemilihan-k. Fitur pemilihan-k dilakukan di bawah prinsip adik-beradik. Pada fitur pemilihan-k ini, berlakunya proses pemilihan kategori perkataan yang bersesuaian untuk hadir bersama-sama perkataan di sebelahnya. Berdasarkan rajah pohon di atas, pergerakan kata kerja transitif bagi yang berada di posisi FK kepada posisi baru iaitu posisi cantuman dan bercantum dengan k kecil bagi memenuhi UTAH. Pergerakan ini hanya berlaku disebabkan oleh kata kerja transitif bagi merupakan unsur kuat untuk bergerak ke posisi yang lebih tinggi. Kesan daripada berlakunya pergerakan tersebut, maka kata kerja transitif bagi akan meninggalkan tanda < > iaitu bekas seperti terdapat pada <ada>. Hasil pergerakan bagi dan penggabungan k serta FK telah menghasilkan k' yang disertai oleh satu lagi fitur uN.

- c. Memilih *Dia* dan bergabung dengan output (b) yang membawa kepada penghasilan Fk.




Seterusnya, rajah pohon (c) merupakan derivasi yang menunjukkan hasil gabungan daripada langkah (a) dan (b). Fitur uN ini diprojeksikan oleh K bagi untuk memenuhi prinsip ayat bahawa setiap ayat wajib mempunyai subjek. Dalam Kerangka Minimalis pula perlu memastikan bahawa fitur uN wajib disemak sebelum sampai pada tahap Cetusan. Penyemakan hanya dapat dilakukan sekiranya KN wujud pada posisi Spek yang terhasil daripada Gabungan. Oleh hal yang demikian, frasa ini akan memilih subjek yang bersesuaian untuk bergabung bagi menyemak fitur uN tersebut. Subjek ayat iaitu KN *Dia* ditandakan dengan fitur ganti nama diri kedua (2) dan tunggal (T) yang menghasilkan fitur [N, 2, T]. KN *Dia* menduduki posisi yang dikenali sebagai posisi Spek. Kedudukan subjek pada posisi ini adalah penting kerana subjek pada posisi ini akan ditandakan dengan peranan teta. Jadi, kata ganti nama diri *Dia* ditandakan dengan peranan Agen oleh kata kerja tersebut. Kata ganti nama diri *Dia* pada posisi ini juga dapat menyemak fitur uN pada k'.

- d. Memilih kala kini dan seterusnya bergabung dengan output (c) lalu menjadi kala tanda (kala').



Langkah dalam (d) diteruskan dengan memilih kala sebagai pasangan Fk yang bergabung untuk menghasilkan kala' (kala tanda). Hal ini kerana terdapat satu masalah yang belum selesai dalam (c) kerana masih mempunyai fitur tak berinterpretasi ukala yang tidak mempunyai nilai dan seterusnya tidak dapat disemak oleh apa-apa nodus. Oleh hal yang demikian, kala diperlukan bagi membentuk ayat. Nodus kala dalam proses (d) mempunyai dua fungsi penting. Pertama, nodus Kala ini menandakan kala bagi keseluruhan ayat. Kedua, kehadiran kala ini adalah kerana fitur ukala pada k perlu dinilai dan disemak oleh Kala sebelum Cetusan. Nodus Kala juga membawa fitur kasus iaitu kasus nominatif. Oleh itu, fitur kala kini dapat menilai fitur ukala dengan nilai kini. Selepas dinilai, fitur tersebut dapat disemak melalui proses keserasian di antara fitur kini pada Kala dengan fitur ukala:kini. Setelah disemak, keseluruhan ayat ditanda sebagai kala kini.

- e. Akhir sekali, proses menggerakkan Dia dan bergabung dengan output (d) lalu menjadi frasa kala (FKala).



RAJAH 2 Rajah Pohon Kata Kerja Transitif *ada*

Rajah dalam (e) menunjukkan KN *Dia* yang mempunyai fitur ganti nama diri kedua dan

tunggal yang berada di bawah Fk perlu bergerak terus ke kedudukan Spek yang baru untuk ditandakan dengan kasus. Pergerakan KN *Dia* meninggalkan bekas seperti <ada> di posisi Fk untuk menjadi pasangan kepada kala'. Seterusnya KN *Dia* bergabung dengan kala' untuk membentuk FKala lalu berlakunya penyemakan fitur di antara fitur uN dan fitur berinterpretasi N di bawah sistem adik-beradik. Oleh itu, struktur dalam langkah ini merupakan struktur lengkap bagi ayat *Dia ada Master* kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang perlu diproeksikan bagi membina nodus yang baru. Selain itu, KK ada yang menjadi kepala dalam ayat merupakan kata kerja tak transitif berikutan KK ini memerlukan argumen dalaman yang dapat dipenuhi oleh KN *Master* yang boleh dipanggil sebagai objek ayat.

Sintaksis Kata Kerja Tak Transitif


Kata kerja tak transitif hanya menandakan satu argumen sahaja sama ada argumen dalaman ataupun luaran. Hal ini menunjukkan perbezaan dengan kata kerja transitif yang memerlukan kedua-dua argumen untuk memenuhi peranan tetanya. Kata kerja yang memerlukan argumen luaran dikenali sebagai kata kerja tak ergatif manakala kata kerja yang memerlukan argumen dalaman merupakan kata kerja tak akusatif. Dalam bahagian ini, analisis dibahagikan kepada dua bahagian iaitu melibatkan analisis kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Dalam data yang diperoleh, terdapat beberapa contoh kata kerja tak transitif dalam dialek Perlis yang tidak banyak perbezaannya dengan bahasa Melayu Standard. Kedua-dua kata kerja tak transitif ini akan dibincangkan dalam analisis di bawah ini.

Sintaksis Kata Kerja Tak Ergatif

Analisis kata kerja tak ergatif akan menggunakan data yang telah diperoleh dan akan diuraikan dalam analisis deskriptif kata kerja tak transitif. Berikut merupakan analisis ayat (4) dan ditulis semula dalam ayat di bawah.


11. Dialek Perlis : *Dia keluaq universiti*
Glos : *Dia keluar universiti*
Terjemahan : *Dia keluar dari universiti*

- a. Memilih kata kerja tak transitif *keluaq* untuk membentuk FK




Perkataan yang terdapat dalam ayat (11) ialah *{Dia, keluaq, universiti}*. Kata kerja *keluaq* merupakan kata kerja yang mendasari ayat tersebut dan hanya memerlukan argumen luaran sahaja. Argumen luaran mempunyai peranan sebagai Agen yang akan mengisi Fk. KK tak ergatif hanya akan menandakan argumen luaran. Nodus akar bagi KK tak ergatif ini tidak mengandungi komplemen di bawah FK. Oleh itu, KK *keluaq* dipilih bagi membentuk FK seperti yang ditunjukkan dalam contoh rajah di atas.

- b. Pilih k dan bergabung dengan FK untuk membentuk k' bagi memenuhi tatatingkat hierarki projeksi.




Seterusnya dalam output (b) menunjukkan proses pemilihan k dan bergabung dengan FK bagi membentuk k' untuk memenuhi tatatingkat projeksi bagi membentuk derivasi. k kemudiannya membentuk satu struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua hasil cantuman KK *keluaq* dan fitur $[ukala:]$. Pergerakan KK *keluaq* merupakan hasil gerakan daripada kedudukan FK dan meninggalkan bekas $\langle keluaq \rangle$ pada kedudukan asal. Fitur yang dimiliki oleh k diprojektikan ke k' untuk membolehkan fitur berkenaan disemak dengan fitur yang sepadan.


c. Pilih FN *universiti* dan bergabung dengan output (b) untuk membentuk Fk



Dalam rajah seterusnya iaitu rajah pohon (c) pula memperlihatkan proses pemilihan kata nama (KN) *Dia* dan bergabung dengan output di (b) untuk membentuk Fk . KN ini membawa fitur yang berinterpretasi bagi menyemak uN dalam k' . KN ialah subjek kepada KK tak ergatif *keluaq*. KN ini ditandakan dengan fitur $[N, 2, T]$. KN ini adalah penting bagi menduduki posisi yang dikenali sebagai Spek. Kedudukan subjek pada posisi ini adalah penting kerana subjek pada posisi ini akan ditandai dengan peranan teta. Jadi, KN *Dia* ditandakan sebagai pengalami oleh KK tersebut. KN ini juga dapat menyemak fitur pemilihan- $k [uN]$ pada k' .


d. Memilih *kala* dan bergabung dengan output (c) untuk membentuk $kala'$.






Derivasi (d) diteruskan dengan memilih dan menggabungkan kala dengan Fk untuk membentuk kala' (kala tanda). Kala ini hanya membawa fitur berinterpretasi [kini]. Fitur tak berinterpretasi [ukala:] akan dinilai oleh fitur berinterpretasi [kini] menggunakan operasi yang dikenali sebagai operasi keserasian. Oleh hal yang demikian, penilaian tersebut adalah untuk membentuk [ukala:kini] dan apabila fitur tersebut berjaya disemak, maka fitur ia ditanda sebagai [ukala:~~kini~~] seperti dalam derivasi tersebut.


- e. Menggerakkan sekali lagi KK *keluaq* dan menjadi pasangan kepada kala [k~~ini~~] bagi membentuk kala'



Pembinaan struktur rajah pohon diteruskan dengan memilih kala. Kala membawa fitur berinterpretasi [kini] dan fitur tak berinterpretasi uN dan melalui proses keserasian (agreement), fitur beinterpretasi [kini] menilai fitur tak berinterpretasi uN pada nodus akar k-kecil. Penilaian tersebut telah membentuk [ukala:] menjadi [ukala:kini]. Seterusnya, fitur tak berinterpretasi [ukala] disemak menjadi [ukala:kini]. Fitur [uN] yang tidak disemak akan diprojsikan ke kala' untuk membolehkannya disemak dan seterusnya dipadam oleh fitur berinterpretasi [N] seperti dalam rajah pohon berikutnya.

- f. Akhir sekali, proses menggerakkan *Dia* dan bergabung dengan output (e) dan menjadi FKala.





RAJAH 3. Pohon Kata Kerja Tak Transitif Tak Ergatif *keluaq*


Dalam rajah 3, KN *Dia* merupakan elemen namaan yang relevan untuk digerakkan ke spek Fkala dan menjadi subjek ayat. KN *Dia* yang mempunyai fitur [N, 2, T] yang berada di bawah Fk perlu bergerak terus ke posisi Spek yang baru untuk memenuhi fitur [uN] dan pergerakan tersebut telah meninggalkan bekas <Dia> di posisi Fk. Fitur berinterpretasi [N] yang dimiliki oleh KN *Dia* membolehkan fitur tak berinterpretasi [uN] berjaya disemak dan dipadamkan. Hasil daripada rajah pohon tersebut dapat menunjukkan bahawa kata kerja *keluaq* hanya memerlukan argumen luaran yang memegang tema sebagai agen. Analisis ini memperlihatkan binaan ayat tersebut ialah suatu binaan rajah pohon yang gramatis.

Kata Kerja Tak Transitif Tak Akusatif

Kata kerja tak akusatif merupakan kata kerja yang hanya menandakan peranan tema sebagai penderita, alatan, tema, dan sebagainya pada kedudukan subjek yang berada pada posisi komplemen. Dalam binaan ayat bagi dialek Perlis ini, subjek masih diikuti oleh kata kerja. Analisis kata kerja tak akusatif ini masih menggunakan analisis deskriptif dan ditulis semula dalam ayat (12).


- 12. Dialek Perlis : Oghang tua tak ada
- Glos : Orang tua tiada
- Terjemahan : Orang tua meninggal

- a. Menggabungkan elemen *Oghang tua* dan *tak dak*.




Proses pembentukan struktur frasa kerja (FK) bermula dengan operasi gabung (merge) iaitu dengan menggabungkan dua leksikal. Kata kerja *tak dak* merupakan kata kerja tak akusatif yang memerlukan argument dalaman. Oleh hal yang demikian, KN *Oghang tua* digabungkan dengan K *tak dak* untuk membentuk FK dan subjek yang ditandakan oleh KN *Oghang tua* berperanan sebagai penderita. Sebagai KK tak akusatif, K *tak dak* mempunyai fitur pemilihan-k [uN] yang memerlukan elemen namaan untuk menduduki posisi komplemen. KN *Oghang tua* mempunyai fitur interpretasi [N] yang bersesuaian dengan fitur pemilihan-k [uN] dalam K *tak dak*. Oleh itu, operasi penyemakan dapat dilakukan terhadap fitur pemilihan-k [uN] serta menghasilkan elemen yang bergabung secara gramatis seperti di bawah:

- b. Menggabungkan k untuk memenuhi proyeksi tatatingkat bagi menghasilkan Fk.





Hasil daripada gabungan struktur (a) yang digabungkan dengan k untuk memenuhi proyeksi tatatingkat yang menghasilkan Fk. K (k kecil) kemudiannya membentuk struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua yang diisi oleh K *tak dak* dan fitur tak berinterpretasi [ukala:]. Pengisian K *tak dak* ialah hasil gerakan daripada posisi asal yang telah meninggalkan bekas < > dan ditandakan sebagai < tak dak >. Penggabungan ini telah didasari oleh kata kerja tak transitif yang hanya memerlukan satu argumen dalaman sahaja. Oleh itu, gabungan k dengan FK tidak membentuk k' kerana K *tak dak* tidak memerlukan argumen luaran.

- c. Memilih kala sebagai pasangan kepada Fk.



Seterusnya, Kala dan Fk digabungkan untuk membentuk kala' seperti yang ditunjukkan dalam (c). Kala yang mempunyai fitur berinterpretasi [lepas] menilai fitur tak berinterpretasi [ukala:] lalu menjadi [ukala: lepas]. Penilaian ini membolehkan fitur tak berinterpretasi [ukala:] dapat disemak dan dipadamkan melalui proses keserasian.

- d. Akhir sekali, proses menggabungkan output (c) dan membentuk Fkala.



Struktur rajah pohon Kata Kerja Tak Akusatif *tak dak*

Seterusnya, fitur tak berinterpretasi [uN] yang tidak dapat disemak akan diprojeksikan ke posisi kala'. Fitur tak berinterpretasi ini merupakan fitur yang kuat dalam kala yang membolehkan elemen namaan yang berhampiran dapat digerakkan seperti yang ditunjukkan dalam (d). Oleh itu, derivasi dalam (d) merupakan hasil KN *Oghang tua* dari kala ke kala'. Pergerakan KN *Oghang tua* telah meninggalkan bekas < > dan ditandakan sebagai <*oghang tua*> di posisi FK. KN *Oghang tua* yang mempunyai fitur [N] dan bersesuaian dengan fitur tak berinterpretasi [uN] akhirnya dapat disemak dan dipadamkan. Analisis ini menunjukkan bahawa KK tak akusatif hanya memerlukan satu argumen dalaman sahaja.

5. Kesimpulan

Penulisan ini telah mengenal pasti, membahas, dan menganalisis kata kerja dalam dialek Perlis. Perbincangan kata kerja dalam dialek Perlis telah mengenal pasti kata kerja *ada*, *tukaq*, dan *sambung* sebagai kata kerja yang memerlukan objek untuk melengkapkan ayat. Kata kerja tak transitif yang dapat dibahagikan kepada dua iaitu kata kerja tak transitif tak ergatif dan kata kerja tak transitif tak akusatif adalah tidak memerlukan objek untuk melengkapkan ayatnya. Kata kerja tak transitif tak ergatif dalam dialek Perlis adalah seperti *keluaq* manakala kata kerja tak transitif tak akusatif iaitu *tak dak*, *kisah*, *balik*, *latih*, dan *takut*. Kedua-dua kata kerja tersebut dianalisis menggunakan Kerangka Minimalis bagi menganalisis struktur binaan kata kerja dalam dialek Perlis. Analisis sintaksis menggunakan Kerangka Minimalis ini mampu menggambarkan dan menghuraikan proses penggabungan dan pergerakan yang berlaku dalam struktur kata kerja dialek Perlis. Analisis ini juga turut membuktikan bahawa dialek Perlis adalah hampir sama dengan BMS walaupun ada sedikit perbezaan dari segi sebutan tertentu. Hasil analisis turut menunjukkan kata kerja dalam ayat-ayat dalam dialek Perlis tersebut memiliki fitur kala kini dan kala lepas.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Asmah Haji Omar, (2008). *Bahasa Melayu di Samudera Benih yang Baik Menjadi Pulau*.

- Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K and Trudgill, P. (1980). *Dialectology*. London: Cambridge University Press.
- Chomsky, N. (1995). *The Minimalist Program*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2005). Analisis sintaksis ke atas enklitik ‘- nya’ dalam bahasa Melayu. Disertasi PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamus Dialek Perlis.(1992). Kangar: Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis.
- Kamus Linguistik (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.